



KERJA-KERJA PENGOREKAN DI ALUR PELAYARAN MASUK KE LIMBUNGAN OILFAB SDN BHD DI PULAU INDAH

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 27 Disember 2006.

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pengorekan bagi mendalamkan alur sungai akan dijalankan di alur pelayaran masuk ke limbungan Syarikat Oilfab Sdn Bhd di Pulau Indah, Pelabuhan Klang selama tempoh kira-kira 3 bulan mulai dari 29 Disember 2006. Kerja-kerja pengorekan itu meliputi kawasan perairan dalam lingkungan kordinat Latitud 02° 59' 32"U/Longitud 101° 20' 59"T, Latitud 02° 59' 48"U/Longitud 101° 20' 51"T, Latitud 02° 59' 49"U/Longitud 101° 20' 53"T, Latitud 02° 59' 41"U/Longitud 101° 21' 00"T dan Latitud 02° 59' 34"U/Longitud 101° 21' 04"T.

2. Vesel-vesel yang akan digunakan dalam kerja-kerja pengorekan itu adalah sebuah kapal korek dari jenis "*Clam Shell Dredger*" bernama BENALEC GD-2, dua buah bot tunda dari jenis "*Pusher Tug*" bernama CATHAY-6 dan CATHAY-16, serta dua buah barj dari jenis "*Hopper Barge*" bernama CATHAY SHB 1003 dan CATHAY SHB 1009. Semua vesel-vesel terlibat akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Manakala sisa-sisa bahan korekannya pula akan dilupuskan di Kawasan Pembuangan Am (*Spoil Ground*) yang terletak di sebelah Barat dari Pulau Pintu Gedung, pada kedudukan Latitud 02° 53.52' Utara dan Longitud 101° 09.00' Timur.

3. Selaras dengan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan projek dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran)
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(u.p: Gerakan Merin)